

# PM: Hanya syarikat bermaruah akan dibenar beroperasi di Labuan

UM - 6 FEB 1991

**K**UALA LUMPUR 5 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan hanya akan membenarkan syarikat asing yang bermaruah dan mempunyai nama baik di peringkat antarabangsa sahaja beroperasi di Labuan.

Perdana Menteri berkata, Labuan tidak akan dibangunkan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Pantai (IOFC) yang terlalu bebas dan terbuka hingga menjadikannya sekadar "pejabat pos," sahaja bagi syarikat-syarikat yang hanya mahu mengaut keuntungan.

"Kita akan mengamalkan sikap memilih dan hanya menggalakkan kedatangan mereka yang bermaruah dan bersedia menubuhkan pejabat operasi di Labuan.

"Saya sedar di beberapa pusat perlindungan cukai syarikat-syarikat asing hanya perlu mengekalkan kewujudannya melalui pendaftaran namanya sahaja," katanya semasa berucap merasmikan persidangan "Labuan: Sebuah Pusat Kewangan Pesisir Pantai," di sini pagi ini.

Menurutnya, IOFC seperti itu hanya disifatkan sebagai "pejabat pos," sahaja oleh syarikat-syarikat asing dan menjadi "bandar tidak berpenghuni," bagi nama-nama yang tidak mempunyai batang tubuh yang sebenar.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, wawasan kerajaan ialah untuk menjadikan Labuan sebuah pusat perbandaran yang berfungsi sepenuhnya, bukan sekadar hias-

an kosong.

"Mungkin matlamat ini mengambil masa lama untuk menjadi kenyataan. Pakar-pakar telah mengingatkan kita bahawa Caymen Island mengambil 10 tahun untuk dibangunkan sepenuhnya.

"Tetapi kita yakin matlamat itu lambat laun akan dicapai juga," tambahnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menolak sebarang angapan atau kritikan yang mendakwa kerajaan menubuhkan Labuan sebagai pusat keluar masuk untuk menghalalkan wang haram yang diperolehi dari pengedaran dadah dan kegiatan salah yang lain.

Beliau menegaskan, penubuhan Labuan sama sekali tidak mempunyai kaitan dengan usaha menyediakan kemudahan untuk aktiviti-aktiviti haram, jauh sekali dari menjadikannya pusat pemindahan keuntungan yang diperolehi dari perbuatan jenayah.

"Oleh itu, saya mahu tekankan sekali lagi bahawa kerajaan akan membenarkan syarikat asing yang bermaruah dan mempunyai nama baik di peringkat antarabangsa sahaja beroperasi di Labuan," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri lagi, proses memilih ini bukan terhad kepada bank-bank, syarikat insurans dan syarikat pelaburan asing sahaja malahan kriteria tersebut turut meliputi profesional yang menyediakan perkhidmatan sokongan seperti perundangan, perakaunan

dan khidmat pegangan amanah.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Labuan akan dijadikan pintu untuk negara ini menarik pelaburan asing bagi membiayai perkembangan perindustrian yang pesat di sini.

"Labuan dijangka memainkan peranan penting dalam membangunkan Malaysia sebagai pusat kewangan serantau yang berdaya maju," ujarnya.

Menurutnya lagi, segala keperluan jangka panjang dan jangka pendek para pelabur asing di pulau itu kini sedang dalam perancangan akhir.

Kata beliau di bawah rancangan yang telah diatur, beberapa agensi kerajaan akan membangunkan bangunan pejabat yang baik dan menyediakan peralatan pejabat yang serba lengkap di satu kawasan yang akan dikenali sebagai "Taman Kewangan," atau "Daerah Bank."

Peralatan telekomunikasi canggih juga sedang disediakan oleh Syarikat Telekom Malaysia dan Penerbangan Malaysia telah diarahkan oleh kerajaan supaya menambah penerbangan terus dari Kuala Lumpur — Labuan atau mengadakan penerbangan terus dari Labuan ke destinasi negara lain.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, pertanyaan yang banyak mengenai Labuan sekarang menunjukkan pulau mampu menjadi pusat kewangan dan pelaburan yang berjaya.